

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Keldai akaun didenda RM500 kerana miliki wang diperolehi secara tidak sah
Date : 14 October 2023
Section : Tempatan
Page : 13



Keldai akaun didenda RM500 kerana miliki wang diperolehi secara tidak sah

MIRI: Seorang keldai akaun didenda RM500 atau seminggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini kerana kesalahan memiliki sejumlah wang diperolehi secara tidak sah.

Mohd Jasman Namhari, 36, dari Kampung Rantau Panjang, Batu Kawa didakwa mengikut Seksyen 37(1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tiga bulan dan denda RM500 jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati memiliki wang berjumlah RM800 dalam akaunnya yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu jam 4.33 petang, pada 17 Ogos tahun ini di sebuah lot di Lorong 8B, Desa Senadin di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.